

DBKL sita, pindah halangan peniaga di Segambut dan Kepong

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan sita dan pindah halangan terhadap dua penjaja dan lima premis perniagaan di sekitar Parlimen Segambut dan Kepong di sini.

Menurut DBKL, operasi tindakan khas itu dijalankan melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Pejabat Cawangan Segambut dan Kepong di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Dalam operasi ini, dua penjaja di Parlimen Segambut

dan lima lagi premis perniagaan di Parlimen Kepong telah diambil tindakan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Semua barang yang diambil tindakan pindah halangan telah dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi,” menurut kenyataan itu di laman Facebook rasmi DBKL.

DBKL juga akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti.



Operasi tindakan khas yang dijalankan oleh DBKL di kawasan Parlimen Segambut dan Parlimen Kepong.